

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA PROGRAM JALAN KAKI PATRIOTIK 10 KM BERSEMPENA
DENGAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KUKUM DI KOMPLEKS
PUSAT PENGAJIAN KUKUM, JEJAWI, ARAU PADA 22 OGOS 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA ENCIK JAMALI MD SAH, PENGERUSI PROGRAM JALAN
KAKI PATRIOTIK 10 KM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH
KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA
BERKUMPUL BERSAMA-SAMA SEKALI LAGI PADA PAGI PENUH
KEBERKATAN INI. SEMBAH DAN SALAM JUGA BUAT JUNJUNGAN BESAR,
NABI MUHAMMAD S.A.W DAN SELURUH KAUM KERABAT DAN SAHABAT
BAGINDA. ALHAMDULILLAH, SEMOGA PERTEMUAN KITA DI DALAM
PROGRAM JALAN KAKI PATRIOTIK 10 KM ANJURAN PUSAT PENGAJIAN
KEJURUTERAAN BAHAN KUKUM BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN
BULAN KEMERDEKAAN INI DIBERKATI ILLAHI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI
TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA JAWATANKUASA PROGRAM JALAN KAKI

PATRIOTIK 10 KM KERANA USAHA GIGIH DAN DEDIKASI TUAN –TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MERANCANG, MENYUSUN DAN SETERUSNYA MENZAHIRKAN PROGRAM INI WALAUPUN SENTIASA BERHADAPAN DENGAN KEKANGAN MASA DAN TUGASAN SEHARIAN YANG SUDAH PASTI MENUNTUT KOMITMEN YANG TINGGI..

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PROGRAM JALAN KALI 10 KM INI DIADAKAN BAGI TUJUAN UNTUK MEMBERI KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT TENTANG PERI PENTINGNYA KEBEBASAN DAN KEMERDEKAAN YANG TELAH NEGARA KITA KECAPAI SELAMA 47 TAHUN. MUNGKIN RAMAI DI ANTARA KITA YANG MASIH KECIL ATAU BELUM DILAHIRKAN KETIKA NEGARA MENCAPI KEMERDEKAAN. HATTA TIDAK TAHU BETAPA PERIT DAN SENGSARANYA SAAT DAN TIKALAH ITU TATKALA MENJADI BANGSA YANG DIJAJAH.

BERTANYA LAH JIKA PUNYA KESEMPATAN KEPADA DATUK, NENEK ATAU MEREKA-MEREKA YANG PERNAH HIDUP DI ZAMAN PENJAJAHAN. PASTI MEREKA PUNYA PENGALAMAN DAN CERITA PERIBADI TERSENDIRI. HIDUP DI BAWAH PEMERINTAHAN JEPUN DAN SETERUSNYA BRITISH ADALAH IGAUAN NGERI DAN MIMPI BURUK YANG TAK BERKESUDAHAN DEK KERANA MENJADI HAMBA DI BUMI SENDIRI.

WALAUPUN PERISTIWA TERSEBUT SUDAH 47 TAHUN BERLALU, NAMUN IBARAT KATA BIDALAN MELAYU LAMA, WALAU LUKANYA SUDAH SEMBUH TETAPI PARUTNYA TETAP BERBEKAS. TEPUK DADA, TANYA LAH SELERA MASING-MASING. APAKAH TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB KITA SETERUSNYA SEBAGAI BANGSA YANG MERDEKA UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN PERJUANGAN KEMERDEKAAN? APAKAH CUKUP

DENGAN BERGEMBIRA SAHAJA BILA SETIAP KALI DETIK 31 OGOS MENJELANG TIBA?

DALAM ERA GLOBALISASI DAN DUNIA TANPA SEMPADAN, PENJAJAHAN BOLEH MUNCUL DALAM PELBAGAI BENTUK DAN RUPA. MERDEKA BUKAN HANYA SEKADAR MEMBEBAHKAN DIRI KITA DARI BELENGGU PENJAJAHAN FIZIKAL SAHAJA.

IA MENUNTUT JAUH DARI ITU. MARI LAH KITA MEMERDEKAAN SELURUH JIWA DAN RAGA KITA AGAR JATIDIRI DIRI RAKYAT DI NEGARA INI BENAR-BENAR BERTUNJANGKAN AKAR DAN BUDAYA SERTA BERWAJAH MALAYSIA YANG IDEALISTIK. TERPADU DARI JALINAN PERPADUAN PELBAGAI BANGSA, BAHASA DAN BUDAYA. BUKAN DICELUP ATAU DIADAPTASI DARI BUDAYA KOLONIALIS YANG BERAKAR UMBIKAN BUDAYA HEDONISME, MATERI DAN INDIVIDUALISTIK.

RENUNG-RENUNGAN DAN TIMBANG-TIMBANGKAN SEJENAK ERTI KEMERDEKAAN TERSEBUT BILA SETIAP KALI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MENGATUR LANGKAH KAKI SEBENTAR LAGI. SENARIO ITU MUNGKIN SEDIKIT SEBANYAK PUNYA KESAMAAN SEPERTI YANG DILALUI OLEH PARA PEJUANG, SERIKANDI DAN RAKYAT TERDAHULU YANG BERARAK BERBATU-BATU JAUHNYA, MEMBAWA SEPANDUK DAN MELAUNG-LAUNGKAN KALIMAT MERDEKA DENGAN PENUH ILTIZAM. MARI LAH KITA SEMUA MENGULANGI DETIK-DETIK ITU MENJADI BANGSA YANG MERDEKA, BERMARUAH DAN BERDAULAT.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SELAIN DAPAT MEMPUK SEMANGAT PATRIOTISME DAN NASIONALISME, PROGRAM JALAN KAKI 10 KM INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENERATKAN HUBUNGAN SESAMA KITA DAN

MASYARAKAT DI LUAR KAMPUS. SAYA AMAT TERUJA DENGAN SIKAP DAN KOMITMEN YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH PENDUDUK DI NEGERI BERTUAH INI DALAM MEMBERIKAN SOKONGAN YANG PADU KEPADA SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

SEPERTI DALAM UCAPAN-UCAPAN SAYA YANG TERDAHULU, SAYA MERASA AMAT BERTUAH KERANA KEHADIRAN KUKUM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TELAH DITERIMA BAIK OLEH PENDUDUK SETEMPAT. TANPA SOKONGAN YANG PADU DAN BERTERUSAN, KUKUM TIDAK MAMPU MENGATUR LANGKAH DEMI LANGKAH SEHINGGA KE HARI INI. HUBUNGAN KERJASAMA YANG BAIK BEGINI DIHARAP DAPAT DITERUSKAN HINGGA KE MASA-MASA AKAN DATANG.

KUKUM SEDAR BAHAWA DALAM USAHA MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI, INTERAKSI SERTA SOKONGAN PENDUDUK SETEMPAT AMAT PENTING. PELBAGAI AGENDA DAN AKTIVITI YANG BERMANFAAT BOLEH DIFIKIRKAN DAN DIJAYAKAN BERSAMA. INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMBERIKAN KEBAIKAN KEPADA KEDUA-DUA BELAH PIHAK, SEPERTI MANA MAKSUD PANTUN INI:

HUJAN PANAS TURUN BERDERAI
GURUH MENYAMBAR POHON JATI
KASIH SAYANG TAK BOLEH BERGERAI
BAGAIKAN RAMBUT BERSIMPUL MATI

ADALAH DIHARAPKAN AKTIVITI JALAN KAKI PATRIOTIK 10 KM INI JUGA DAPAT MERAPATKAN HUBUNGAN DI KALANGAN WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM. SAYA MAHU ASAS PEMBINAAN KUKUM YANG BERTERASKAN KEPADA BUDAYA KERJA YANG IKHLAS, TELUS, CEPAT, PROAKIF, TEPAT DAN BERPASUKAN DAPAT DIKEKALKAN.

CABARAN DAN DUGAAN MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI BUKAN TUGAS YANG ENTENG DAN TERGALAS DI BAHU INDIVIDU PERSEORANGAN SAHAJA TETAPI SEBALIKNYA. BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG DAN BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT.

MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERGANDING BAHU DAN MENGEKALKAN SEMANGAT PERPADUAN DAN BUDAYA KERJA YANG POSITIF INI DEMI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN KUKUM. KITA HARUS SENTIASA BERADA DI ATAS LANDASAN YANG BETUL SUPAYA PERANCANGAN DAN CITA-CITA KITA MAHU BERGELAR UNIVERSITI TERSOHOR AKAN TERCAPAI SUATU HARI NANTI. INSYALLAH, DENGAN BERKAT DOA SERTA USAHA GIGIH DAN DEDIKASI KITA SEMUA, TIDAK ADA YANG MUSTAHIL BIARPUN MEMBUJUR LALU MELINTANG PATAH.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA PAGI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA JAWATANKUASA JALAN KAKI PATRIOTIK 10KM INI KERANA USAHA GIGIH ANDA SEMUA DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN SERTA KELANGSUNGAN PROGRAM INI.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PROGRAM JALAN KAKI PATRIOTIK 10KM BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA 2004. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.

